

U GB 22-05 00153 BA027

BAH

Mahathir - Cemar

TUTUP KILANG YANG DIKATA CEMAR ALAM BUKAN CARA ATASI MASALAH

KUANTAN, 22 Mei (Bernama) -- Menutup kilang yang dikatakan mencemar alam sekitar bukanlah cara untuk menyelesaikan masalah itu, sebaliknya usaha perlu dibuat bagi mencari jalan mengatasi masalah berkenaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas pertemuan tertutup dengan anggota-anggota UMNO Pahang di sini, katanya, jika pendekatan menutup kilang yang terbabit diambil maka kebanyakan industri di negara ini patut ditutup.

"Industri elektronik tidak baik sebab ia mengeluarkan sisa toksik. Cara untuk mengatasinya ialah merawat sisa toksik itu bukannya dengan menutup kilang berkenaan," katanya.

Dr Mahathir telah diminta mengulas laporan-laporan oleh sebuah akhbar tempatan yang mendakwa kegiatan syarikat Song Cheng Enterprises (M) Sdn Bhd, di Pekan, yang menternak belut untuk pasaran dunia, telah melakukan pelbagai kesalahan alam sekitar hingga menjejaskan keadaan persekitaran di sana. -- Lagi.

▼22/05/14-49MST

U GB 22-05 00139 BA028

BAH

Mahathir - Cemar 2 Kuantan

Syarikat yang berpusat di Taiwan itu setakat ini melaburkan RM150 juta dengan pembukaan kawasan lebih 200 hektar dengan pembinaan kolam-kolam bagi ternakan belut serta ternakan akuakultur yang lain.

Dr Mahathir berkata, sekiranya ada masalah alam sekitar, langkah sewajarnya ialah hendaklah membetulkannya.

"Tetapi janganlah kita berbuat sesuatu sehingga pelabur asing tidak hendak datang di sini," katanya lagi.

Dr Mahathir kemudian membidas sikap pencinta alam sekitar yang dikatakannya sebagai lebih mudah bercakap.

Mereka, katanya, sepatutnya tahu mengimbangi antara kepentingan pekerjaan dan alam sekitar.

"Alam sekitar (yang tidak tercemar) bagi orang miskin tidak ada makna langsung," katanya.

Bagi Pahang, sebuah negeri yang kawasan tanahnya luas katanya, sewajarnya ia memberi tumpuan kepada usaha untuk memperolehi manfaat daripadanya dan perusahaan-perusahaan pertanian wajar diberikan penekanan. -- Lagi.

▼22/05/14-53MST

BAH

Mahathir - Cemar 3 (Akhir) Kuantan

Pertanian, katanya lagi, bukan industri yang tidak menguntungkan sekiranya diberikan nilai tambah, misalnya hasil kelapa sawit boleh digunakan untuk penghasilan oleokimia.

Dr Mahathir juga mengulas mengenai kedudukan Tun Datu Mustapha Datu Harun dalam Dewan Undangan Negeri Sabah dan katanya, jika undang-undang memerlukan Tun Datu Mustapha mengosongkan kerusi itu maka kerusi itu akan dikosongkan.

"Dan Barisan Nasional bersedia menghadapi pilihan raya di kawasan dewan undangan negeri Usukan yang kini diwakili Tun Datu Mustapha," katanya lagi.

Dr Mahathir juga mengesahkan telah menerima surat daripada Cuepacs tentang permintaan mereka untuk mendapatkan bonus tahun 1992 bagi kakitangan awam seluruh negara.

Setakat ini, katanya, kerajaan perlu mengkaji sebab dan alasan Cuepacs bagi mendapatkan bonus itu.

"Mereka kata alasannya ialah pendapatan negara meningkat dan ekonomi negara baik dan lain-lain jadi kita kena kaji sama ada ia berasas ataupun tidak," katanya.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik dan pemimpin pusat dan negeri lain.

-- Bernama.

AWA KAM.

▼22/05/14-58MST